22	***STAINLESS STEEL SHOE RACK 5-TIERS*** **Ukuran ±** P70 x L21 x T84 cm **Warna** : *METAL* **Material**: *STAINLESS STEEL* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Kecacatan bahan **ATAU SETARA**		**5**

BIL	PERKARA	GAMBAR	KUANTITI
23	**RAK KASUT BESI** **(*HEAVY DUTY*) 5 Tingkat** **Ukuran ±** : P70 x L21 x T84 cm **Warna** : *BLACK* **Material**: *METAL* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Kecacatan bahan **ATAU SETARA**		**2**
24	**RAK KASUT BESI** **(*HEAVY DUTY*) 3 Tingkat** **Ukuran ±** : P70 x L21 x T50 cm **Warna** : *BLACK* **Material**: *METAL* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Kecacatan bahan **ATAU SETARA**		**1**
25	**KERUSI LIPAT SANTAI KOLAM RENANG BOLEH LARAS** **Ukuran ±** : P70x L21 x T50 cm **Warna** : *WHITE* **Material**: HDPE **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Kecacatan bahan **ATAU SETARA**		**2**
26	***JUMBO ROLL TISSUE DISPENSER*** **Ukuran ±** : P28 x D12 x T31cm **Warna:** HITAM **Material:** PLASTIK **ATAU SETARA**		**21**

BIL	PERKARA	GAMBAR	KUANTITI
27	**PELAPIK KAKI** **Ukuran ±** : P92 x L122 cm **Jenis/Material:** POLYESTER **Warna:** HITAM **ATAU SETARA**		**4**
28	**ALMARI HIASAN** **Ukuran ±** : P40 x L152 x T122 cm **Warna** : BLACK **Material**: *CHIPBOARD* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Kecacatan bahan **ATAU SETARA**		**2**
29	**ALMARI PAMERAN/RAK BUKU 2 PINTU** **Ukuran ±**: P49 x L91 x T182 cm **Warna:** *WHITE (1 unit)* *BLACK* (1 unit) **Material:** *WOOD,GLASS* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA**		**2**

BIL	PERKARA	GAMBAR	KUANTITI
30	**KIPAS BERDIRI** **(*Remote Control Fan Home Office Standing Fan)*** ***Fan Type:*** *STAND FANS* ***Fan Size:*** *16INCHES* ***Number of Fan Blades:*** *5 BLADES* ***Fan Features:*** *OSCILLATE, REMOTE CONTROL, TIMER, VARIABLE SPEED SETTINGS* ***Warranty:*** *MINIMA 1 TAHUN* ***Power Consumption*** *45W* Mempunyai pensijilan SIRIM **ATAU SETARA**		**4**
31	**KIPAS INDUSTRI** **(*26" Industrial Stand Fan*)** ***Fan Type:*** *INDUSTRIAL FANS* ***Number of Fan Blades:*** *2 BLADES* ***Fan Features:*** *VARIABLE SPEED SETTINGS* ***Fan Size:*** *26.0INCHES* ***Power Consumption:*** *187.0W* ***Warranty:*** MINIMA 1 TAHUN Mempunyai pensijilan SIRIM **ATAU SETARA**		**4**

BIL	PERKARA	GAMBAR	KUANTITI
32	**RAK FAIL BERTINGKAT** **(*Shelf Cabinet Cupboard 12 Compartment Wood Rack*)** **Ukuran ±:** P123 x L30 x T172 cm **Warna:** *GREY* **Material:** *CHIPBOARD* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA**		**6**
33	**BAKUL SAMPAH** **Ukuran ±:** P29 x L29 x T25.5 cm **Warna:** *GREY* **Material:** PLASTIK **ATAU SETARA**		**10**
34	***PIGEON HOLES CABINET*** **Ukuran ±:** P40 x L80 x T91 cm **Warna*:*** *BLACK* **Material:** *CHIPBOARD* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA**		**2**

BIL	PERKARA	GAMBAR	KUANTITI
35	**KABINET BESI BERPINTU** **Ukuran ±:** P45 x L91 x T182 cm **Warna:** *BEIGE* **Material:** *METAL* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA**		**2**
36	**RAK PENYANGKUT BAJU TERBUKA (*Double Pole Strong Steel Structure Heavy Duty*)** **Ukuran ±:** P45 x L110 x T150 cm **Warna:** *BLACK* **Material:** *METAL* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA**		**4**
37	**MEJA MESYUARAT (10 ORANG)** **Ukuran ±:** P300 x L120 x T75 cm **Warna:** *MAPLE* **Material:** *MELLAMIN LAMINATED CHIPBOARD* **Bentuk:** PETAK **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA**		**1**

BIL	PERKARA	GAMBAR	KUANTITI
38	**MEJA MESYUARAT (6 ORANG)** **Ukuran ±:** P180 x L90 x T75 cm **Warna:** MAPLE **Material:** *MELLAMIN LAMINATED CHIPBOARD* **Bentuk:** OVAL **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA**		**1**
39	***LIGHT DUTY RACKING SYSTEM* (RAK BESI) -4 TINGKAT** **Ukuran ±** : P240 x L100 x T240 cm **Warna** : *(Beam:* Kuning*) , (Angle Post:* Biru) ***Shelve Levels**: 4* ***Decking Material**: HDF BOARD* ***Loading Capacity***: 200 KG *(per level)* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja * Bahagian Bergerak **ATAU SETARA**	• Perlu di tampal dengan pelekat (*sticker*) had kapasiti berat yang ditetapkan mengikut jenis/model kerusi yang dibekalkan 	**2**

BIL	PERKARA	GAMBAR	KUANTITI
40	***LIGHT DUTY RACKING SYSTEM*** **(RAK BESI) -4 TINGKAT** **Ukuran ±** : P100 x L60 x T200 cm **Warna** : *(Beam: White , (Angle Post: White)* ***Shelve Levels**: 4* ***Decking Material**: HDF BOARD* ***Loading Capacity**: 200 KG (per level)* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA** • Perlu di tampal dengan pelekat (*sticker*) had kapasiti berat yang ditetapkan mengikut jenis/model kerusi yang dibekalkan		**1**
41	**RAK SINKI** **(*STAINLESS STEEL BASIN RACK)*** **Ukuran ±:** P107 x L47 x T134cm **Warna:** *BLACK* ***Material:** METAL* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA**		**4**

BIL	PERKARA	GAMBAR	KUANTITI
42	**KABINET** **Ukuran ±:** P156 x L41.4 x T256.8 cm **Warna:** *MAPLE* ***Material:*** *FIBRE BOARD* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA**		**1**
43	**SOFA** ***(2 SEATER)*** **Ukuran ±**: P136 x L70 x T80 cm **Warna** : HITAM **Material**: *PU, WOOD* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA**		**1**
44	**SOFA** ***(3 SEATER)*** **Ukuran ±**: P186 x L70 x T80 cm **Warna** : HITAM ***Material****: PU, WOOD* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA**		**2**

BIL	PERKARA	GAMBAR	KUANTITI
45	**SOFA (*1 SEATER*)** **Ukuran ±**: P86 x L70 x T80 cm **Warna** : HITAM **Material**: *PU, WOOD* **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur ***** Kecacatan bahan * Mutu Kerja **ATAU SETARA**		**3**
46	***ROW WAITING CHAIR*** ***(4 SEATERS)*** **Ukuran ±:** P216 x L69 x T89 cm **Warna** : *CHROME* ***Material/Features*** ○ *STAINLESS STEEL* ○ TAHAN KARAT ***Load Capacity ±:*** *400KG (100 kg for each seater)* **Jaminan / *Warranty* : Minima 1 Tahun** ***** Rangka Struktur **ATAU SETARA** • Perlu di tampal dengan pelekat (*sticker*) had kapasiti berat yang ditetapkan mengikut jenis/model kerusi yang dibekalkan		**1**
47	**KARPET LOBI PINTU BESAR** **Ukuran ±:** P122 x L183 cm **Warna** : MERAH **Jenis/Material :** *PVC COIL FLOOR MATS RUG CARPET ANTI SLIP* (ATAU SETARA) **Ketebalan**: 1.3cm **ATAU SETARA**		**14**

BIL	PERKARA	GAMBAR	KUANTITI
48	**KARPET DEPAN TANDAS** **Ukuran ±:** P92 x L122 cm **Warna :** Merah **Jenis/Material:** *PVC OIL FLOOR MATS RUG CARPET* ANTI SLIP (ATAU SETARA) **Ketebalan:** 1.3 cm **ATAU SETARA**		**24**
49	**KARPET ALAS KAKI RUBBER** **Ukuran ±:** P80 x L50 cm **Warna :** Merah **Jenis/Material :** *PVC COIL MAT*/ ALAS KAKI TEBAL DAN TAHAN LASAK (ATAU SETARA **ATAU SETARA**		**10**
50	**TONG SAMPAH BESAR ADA PENUTUP** **Ukuran ±:** D38 x T76 cm **Warna :** Chrome **Jenis/Material** : Besi Tahan Karat **Jenis Penutup:** *Flip Top* **ATAU SETARA**		**11**
51	**TROLI *HEAVY DUTY*** **Ukuran ±** : P124 x L79 x T 83cm **Material**: *STEEL (HEAVY DUTY)* ***Load Capacity ±:***: 700kg **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur * Bahagian Bergerak **ATAU SETARA** • Perlu di tampal dengan pelekat (*sticker*) had kapasiti berat yang ditetapkan mengikut jenis/model kerusi yang dibekalkan		**3**

BIL	PERKARA	GAMBAR	KUANTITI
52	**KERUSI RODA (*WHEEL CHAIR)*** ***Frame Material*:** *EPOXY COATED STEEL* ***Rear Wheel Size:*** *22" X 1⅜" SOLID TYRES, SPOKES RIM* ***Weight Capacity:*** 100kg **ATAU SETARA** • Perlu di tampal dengan pelekat (*sticker*) had kapasiti berat yang ditetapkan mengikut jenis/model kerusi yang dibekalkan		**1**
53	**TANGGA LIPAT HEAVY DUTY** **(16 steps)** ***Material:*** *HIGH QUALITY ALUMINIUM* ***Max Loading:*** 150kg **ATAU SETARA** • Perlu di tampal dengan pelekat (*sticker*) had kapasiti berat yang ditetapkan mengikut jenis/model kerusi yang dibekalkan		**1**
54	***HIGH BACK EXECUTIVE DIRECTOR CHAIR*** **Ukuran ±**: P55 x L55 x T115 cm **Warna** : HITAM ***Material**: PU LEATHER, ALUMINIUM BASE, CHROME WHEELS* **Spesifikasi:** ○ *Back recliner function* ○ *Self assembly require* ***Load Capacity ±: 200KG max*** **Jaminan / *Warranty* : Minima 2 Tahun** ***** Rangka Struktur * Bahagian Bergerak. * *Chair Base* **ATAU SETARA** • Perlu di tampal dengan pelekat (*sticker*) had kapasiti berat yang ditetapkan mengikut jenis/model kerusi yang dibekalkan		**1**

BIL	PERKARA	GAMBAR	KUANTITI
55	**PENUTUP TONG SAMPAH** **Ukuran ±:** D38 cm **Warna :** Chrome **Jenis/Material** : Besi Tahan Karat **Jenis Penutup:** *Flip Top*		**28**

Maklumat:

- Spesifikasi yang dipaparkan adalah sebagai gambaran untuk rujukan pihak pembekal. Walaubagaimanapun pembekal boleh menawarkan spesifikasi yang hampir sama atau setaraf. Pihak Majlis boleh MENOLAK mana-mana bekalan perabot yang diterima sekiranya ianya tidak menepati spesifikasi yang setaraf dan pembekal perlu membekalkan semula mengikut kehendak Majlis.
- Bekalan yang dibekalkan juga haruslah berkualiti, tahan lasak dan mengikut spesifikasi.
- Tawaran harga adalah tidak termasuk kenaan Caj Jualan dan Caj Perkhidmatan (CJCP)
- Pihak petender hendaklah mengemukakan tempoh jaminan (warranty) selama dua (2) tahun untuk sebarang kerosakan perabot.
- Majlis akan memeriksa bekalan yang diterima untuk memastikan bahawa perabot yang dibekalkan itu adalah sama seperti yang dipesan. Jika terdapat kerosakan atau kekurangan, syarikat hendaklah menggantikan jumlah perabot yang rosak atau **kurang itu dalam tempoh empat belas (14) hari tanpa sebarang tambahan kos.**
- Pihak syarikat perlu menyediakan dan menampal pelekat (sticker) khas di setiap perabot dan alat kelengkapan pejabat yang mempunyai had kapasiti muatan / berat sebagai langkah kawalan penggunaan perabot dan alat kelengkapan pejabat tersebut.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN I

PENENTUAN BEKALAN/~~PERKHIDMATAN~~*

Dokumen Meja Terkawal

PENENTUAN BEKALAN / ~~PERKHIDMATAN~~

Skop bekalan yang ditawarkan hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:-

A) SYARAT-SYARAT AM BEKALAN

1. KEADAAN BARANG

Barang-barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru, belum digunakan dan menepati mutu yang telah ditetapkan.

2. HARGA

Tawaran harga adalah tidak termasuk kenaan Caj Jualan dan Caj Perkhidmatan (CJCP). Sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan, Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran CJCP dan JKDM kepada pihak Majlis. Kegagalan atau kelewatan syarikat untuk memaklumkan kepada pihak Majlis mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan syarikat perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada pihak Majlis.

3. PEMERIKSAAN

i) Majlis Bandaraya Subang Jaya berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu terlebih dahulu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain untuk pengesahan sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan

ii) Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

4. PENOLAKAN

i) Barangan yang rendah mutunya atau barangan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui akan ditolak oleh pihak Majlis.

ii) Atas sebab-sebab (i) diatas, petender hendaklah menukar ganti barangan tersebut dengan barangan yang lain mengikut spesifikasi serta dipersetujui oleh pihak Majlis. Segala kos yang terlibat dalam proses menukar ganti barangan tersebut adalah di bawah tanggungan pihak petender.

5. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Petender adalah dikehendaki membuat perakuan bahawa bekalan yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

Dokumen Meja Terkawal

6. TAFSIRAN

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan petender bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai sebut harga atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

7. PEMBUNGKUSAN

i) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, kos pembungkusan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat , hendaklah diganti oleh petender.

8. PUNCA BEKALAN

i) Petender dikehendaki menyatakan nama pembekal barangan/peralatan yang diminta sekiranya pembelian adalah tidak melalui syarikat pengeluar.

ii) Utamakan barangan “Buatan Malaysia”.

9. PERATURAN PEMBAYARAN

Pembayaran hanya akan dibuat setelah pihak Majlis berpuashati dengan pesanan yang dibuat dan setelah semua penghantaran selesai dan dalam keadaan sempurna. Pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM).

10. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia boleh dimasukkan dalam Sebut Harga.

11. BARANG-BARANG “EX-STOCK” ATAU BARANG-BARANG KELUARAN DALAM NEGERI

a) Cukai

Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua jenis cukai berkaitan.

b) Pembungkusan

i) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkusan.

ii) Kehilangan atau kerosakan akibat pembungkusan yang tidak cukup atau cacat, hendaklah diganti oleh pembekal.

c) Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu hendaklah ditunjukkan (jika berkenaan).

12. BARANG-BARANG YANG DIIMPORT DARIPADA LUAR NEGERI

a) Cukai
Harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai yang berkaitan. Jenis-jenis cukai hendaklah ditunjukkan secara berasingan.

b) Matawang
Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

c) Punca Bekalan
Jika barang-barang tidak dibeli terus dari pengilang/pengeluar, sila nyatakan nama dan alamat pembekal di mana baran-barang itu diperolehi.

d) Pembungkusan
i) Barang-barang hendaklah dibungkus dan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut kelaziman perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
ii) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkusan.
iii) Kehilangan atau kerosakan akibat dari pembungkusan yang tidak cukup atau cacat hendaklah diganti oleh petender.

B) SYARAT SYARAT KHAS

1. SPESIFIKASI TEKNIKAL

1.1 Pihak Majlis boleh mengubah penentuan spesifikasi dan pembekalan yang ditawarkan jika perlu. Perubahan spesifikasi ini akan dimaklumkan kepada petender melalui laman web sekiranya ada.

1.2 Pihak Majlis tidak bertanggungjawab terhadap apa jua kelewatan untuk membuat cadangan spesifikasi teknikal dan harga serta kelewatan menghantar dokumen sokongan petender.

2. HARGA TAWARAN

2.1 Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan ia hendaklah termasuk semua kos menghantar , memunggah, mengangkut, membungkus dan memasang.

2.2 Penilaian harga antara petender adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, **jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.**

3. BARANGAN

3.1 Semua barangan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

3.2 Spesifikasi Perabot hendaklah merujuk kepada Bahagian H: Jadual Spesifikasi Bekalan. Semua barangan hendaklah mengikut spesifikasi dan juga jenama yang dikehendaki oleh pihak Majlis atau barangan yang setara dengannya.

3.3 Kerajaan adalah sentiasa berhak mengkehendakkan barang-barang itu, diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya semasa proses pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.

3.4 Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

3.5 Tempoh Jaminan (*Warranty*)

3.5.1 Tempoh Jaminan perabot yang dibekalkan ialah selama dua (2) tahun daripada tarikh bekalan diterima. Jaminan ini adalah bagi kegunaan biasa (*normal usage*) dan sekiranya dalam tempoh tersebut perabot itu rosak bukan akibat kecuaian pengguna, syarikat hendaklah diminta mengganti atau memperbaikinya secara percuma.

3.5.2 Sekiranya pembekal didapati membekal barang yang tidak memenuhi spesifikasi, pihak Majlis berhak untuk tidak menerima atau memulangkan semula dan pembekal perlu menggantikan bekalan mengikut keperluan. Dalam tempoh jaminan ini, semua penggantian bekalan yang rosak hendaklah dibuat tanpa mengenakan apa-apa bayaran/kos kepada Majlis.

3.5.3 Pembekal adalah bertanggungjawab ke atas sebarang kesukaran atau kerosakan yang timbul akibat dari penggunaan barangan yang dibekalkan yang tidak mengikut spesifikasi dan menanggung semua kos yang terlibat.

3.5.4 Pihak Majlis akan memeriksa bekalan yang diterima untuk memastikan bahawa perabot yang dibekalkan itu sama seperti pesanan. Jika terdapat sebarang kerosakan atau kekurangan, syarikat hendaklah diminta menggantikan jumlah perabot yang rosak atau yang kurang itu dalam tempoh empat belas (14) hari tanpa sebarang kos tambahan.

3.6 Petender dikehendaki memperakui bahawa barang-barang yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan piawaian (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.

3.7 Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang tidak dipersetujui (tidak mengikut spesifikasi), tawarannya boleh ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.

3.8 Perbelanjaan yang dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu hendaklah ditanggung oleh Petender tanpa melibatkan sebarang kos oleh Majlis.

4. JADUAL PENGHANTARAN

4.1 Petender yang berjaya **WAJIB** membuat penghantaran seperti mana yang terkandung di dalam Dokumen Sebut Harga, Bahagian K: Jadual Penghantaran sepanjang tempoh kontrak.

4.2 Petender yang berjaya perlu menanggung semua kos yang terlibat seperti kos barang, kos buruh, kos pengangkutan dan lain-lain yang berkaitan dalam kerja-kerja membekal, menghantar dan memasang barang-barang tersebut ke Majlis Bandaraya Subang Jaya termasuk Pejabat Cawangan.

5. PELEKAT KHAS (*STICKER)*

5.1 Pihak syarikat perlu menyediakan dan menampal pelekat (sticker) khas di setiap perabot dan alat kelengkapan pejabat yang mempunyai had kapasiti muatan / berat sebagai langkah kawalan penggunaan perabot dan alat kelengkapan pejabat tersebut.

Dokumen Meja Terkawal

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

JADUAL PERBATUAN PROSES KERJA BEKALAN

Dokumen Meja Terkawal

JADUAL PERBATUAN PROSES KERJA BEKALAN

PERKARA	BULAN							
	PERTAMA				KEDUA			
MINGGU (M)	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8
1.Penerimaan Surat Setuju Terima								
2.Proses semakan senarai bekalan								
3. Penyerahan Dokumen Kontrak oleh Jabatan Undang-Undang (JUU)								
4.Proses Penyediaan Bekalan dan Pelabelan								
5.Penghantaran **Perabot dan alat kelengkapan pejabat**						P1		

Tempoh Siap Kerja adalah ditetapkan selama lapan (8) minggu

Nota:

- Jadual Perbatuan Proses Kerja Bekalan Perabot dan Alat Kelengkapan Pejabat di atas adalah jangkaan sahaja. Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada keputusan MBSJ.

- Pembayaran : Petender hendaklah menyerahkan Borang Maklumat Kontraktor, Borang Pendaftaran SST (sekiranya berkaitan), Inbois, Nota Hantaran dan Borang Akuan Siap Kerja Berperingkat (Borang akan diserahkan kepada petender yang berjaya).

- Berdasarkan jadual di atas, Tuntutan Pembayaran hanya akan dibuat berdasarkan kepada kuantiti sebenar yang telah disahkan dan kuantiti yang telah dihantar serta mengikut penentuan kerja dan pihak MBSJ berpuas hati dengan kualiti perabot dan kelengkapan pejabat yang telah dibekalkan.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

RESPONSE TIME

Dokumen Meja Terkawal

RESPONSE TIME

BIL	BUTIRAN	PEMATUHAN*	MASA*
1.	Petender perlu melaksanakan proses penyediaan bekalan secepat mungkin sebaik-baiknya sejurus Surat Tawaran Setuju Terima ditandatangani.	**Wajib dipatuhi**	1 Minggu
2.	Petender perlulah melaksanakan kerja bekalan mengikut Jadual Perbatuan Proses Kerja Bekalan yang telah ditetapkan atau Petender boleh mencadangkan Jadual Perbatuan Proses Kerja Bekalan yang lain dan dipersetujui oleh Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan.	**Wajib dipatuhi**	-
3.	Masa yang diambil untuk tindakan penggantian bekalan adalah sejurus selepas mendapat panggilan telefon, pesanan ringkas (SMS), e-mel atau faks daripada Jabatan Khidmat Pengurusan, Bahagian Pentadbiran Am MBSJ terhadap sebarang permasalahan berkaitan perabot dan alat kelengkapan pejabat yang telah dihantar. Masa tersebut dikira bermula daripada saat panggilan telefon atau SMS, e-mel atau faks dibuat.	**Wajib dipatuhi**	3 hari atau 1 minggu (untuk bilangan lebih daripada 20 barangan)

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN L

PERJANJIAN

Dokumen Meja Terkawal

PERJANJIAN

<table>
<tr><th>BIL</th><th>BUTIRAN</th><th>PEMATUHAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>PERJANJIAN:

Dokumen Perjanjian Kontrak akan disediakan oleh Jabatan Undang- Undang MBSJ.

Petender perlu melaksanakan proses penyediaan bekalan secepat mungkin sebaik- baiknya sejurus surat tawaran setuju terima ditandatangani walaupun kontrak perjanjian masih dalam proses penyediaan.</td><td>Wajib dipatuhi</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>FI PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN :

• Petender akan menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ.

<u>JADUAL FI PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN MENGIKUT NILAI KONTRAK</u>

<table>
<tr><th>BIL</th><th>NILAI KONTRAK</th><th>JUMLAH FI (RM)</th></tr>
<tr><td>1</td><td>< RM 10,000.00</td><td>500.00</td></tr>
<tr><td>2</td><td>RM10,001.00 sehingga RM50,000.00</td><td>1,000.00</td></tr>
<tr><td>3</td><td>RM50,001.00 sehingga RM100,000.00</td><td>1,500.00</td></tr>
<tr><td>4</td><td>RM100,001.00 sehingga RM500,000.00</td><td>3,000.00</td></tr>
<tr><td>5</td><td>RM500,001.00 ke atas</td><td>(1% dari harga kontrak @ 10,000.00) mana lebih rendah</td></tr>
</table>
</td><td>Wajib dipatuhi</td></tr>
</table>

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN M

TERMA BAYARAN

Dokumen Meja Terkawal

TERMA BAYARAN

BIL	BUTIRAN	PEMATUHAN
1.	**TERMA PEMBAYARAN:** Terma-terma pembayaran adalah tertakluk kepada keputusan pihak MBSJ. Terma-terma pembayaran tersebut adalah seperti berikut:- • Menghantar keseluruhan bekalan Perabot dan Alat Kelengkapan Pejabat **Penghantaran 1 (P1)** selewat-lewatnya pada minggu keenam **(M6)** dan penggantian bekalan selewat-lewatnya dihantar pada minggu kelapan **(M8).** • Mengisi Borang Akuan Siap kerja MBSJ. • Mematuhi peraturan-peraturan tuntutan bayaran yang ditetapkan oleh MBSJ. • Menyediakan laporan/ dokumen sokongan bagi setiap tuntutan pembayaran. • Denda akan dikenakan bagi tuntutan bayaran yang lewat dikemukakan kepada MBSJ. Sila rujuk Jadual Kadar Potongan Atau Denda Yang Dikenakan Kepada Kontraktor/Pembekal Yang Lewat Mengemukakan Tuntutan Bayaran Mengikut Jumlah Satu Tuntutan di Perkara 21.0 dalam Arahan Kepada Petender	**Wajib dipatuhi**

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN N

KADAR DENDA

Dokumen Meja Terkawal

KADAR DENDA

Syarikat boleh dikenakan denda seperti berikut mengikut kes (merujuk PK 4.2 Perkara 9.10.3 (a) dan (b)) :

1. Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan/bekalan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Majlis boleh menerima peralatan/bekalan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat mengikut formula berikut :

   $$\frac{V\,(T + D)}{T} \times 5\%$$

   V: Nilai harga peralatan/bekalan yang lewat dibekalkan;
   T: Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan
   D: Bilangan hari yang lewat.

2. Setelah penerimaan peralatan/bekalan sempurna dan didapati peralatan rendah kualiti daripada spesifikasi, Majlis boleh meminta syarikat menggantikan peralatan/bekalan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis.

   Pihak Majlis akan mengenakan denda sebanyak 1% daripada harga peralatan itu pada setiap 7 hari bekerja kelewatan tetapi tidak melebihi 5% daripada harga peralatan/bekalan tersebut.

3. Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan peralatan/bekalan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Majlis dengan menggunakan formula berikut:

   (BLR + 1%) x (Nilai Kontrak / 365) x (bilangan hari lewat)

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN O

JADUAL PENGHANTARAN

JADUAL PENGHANTARAN

1. **TEMPOH PENYIAPAN DAN PENGHANTARAN**
   Tempoh masa bagi sebut harga ini adalah ditetapkan selama **lapan (8) minggu** dan segala kos penghantaran adalah di bawah tanggungan pihak pembekal.
2. **LOKASI PENGHANTARAN PERABOT**
   Bekalan Perabot hendaklah dihantar ke alamat / lokasi yang ditetapkan dan mengikut arahan dari semasa ke semasa oleh pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya seperti berikut:

BIL	LOKASI
1.	**Bangunan Ibu pejabat** Majlis Bandaraya Subang Jaya, Persiaran Perpaduan, USJ 5, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan
2.	**Pejabat-Pejabat Cawangan** Majlis Bandaraya Subang Jaya i. Jabatan Kesihatan No. 2-4, USJ 9/5T Subang Business Centre 47610 Subang Jaya Selangor Darul Ehsan ii. Pejabat Penguatkuasa (FAMA) No. 5, Jalan Denai Utama Taman Denai Puchong 47100 Puchong Selangor Darul Ehsan iii. Perpustakaan Hipermedia Bandar Puteri Persiaran Puteri 1, Bandar Puteri 47100 Puchong Selangor Darul Ehsan iv. Kompleks 3C Aras G, Kompleks 3C, Jalan PJS 11/2 Taman Bandar Sunway 46150 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan

	v. Kompleks 3K Subang Jaya Jalan SS 13/1a 47500 Subang Jaya Selangor Darul Ehsan vi. Kompleks 3K Serdang Jalan SR ¾, Taman Serdang Raya 43300 Seri Kembangan Selangor Darul Ehsan
3.	**Dewan-Dewan Serbaguna** Majlis Bandaraya Subang Jaya

Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

Unit Perolehan dan Aset,

Jabatan Khidmat Pengurusan,

Aras 2, Majlis Bandaraya Subang Jaya,

Persiaran Perpaduan, USJ 5,

47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-80263132/7435

Faks: 5637 6585

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN P

MAKLUMAT PETENDER